

Terjemahan di bawah diberikan untuk tujuan maklumat sahaja. Jika berlaku percanggahan, ketidaktekalan atau konflik antara terjemahan ini dan versi bahasa Inggeris (terutamanya kerana kelewatan terjemahan), versi bahasa Inggeris akan diutamakan.

Notis Privasi

Kali Terakhir Dikemas Kini: 9 Februari 2021

Notis Privasi ini menerangkan cara kami mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda berkaitan dengan laman web, aplikasi, produk, perkhidmatan, peristiwa dan pengalaman AWS yang merujuk Notis Privasi ini (bersama-sama, "Tawaran AWS").

Notis Privasi ini tidak terpakai pada "kandungan" yang diproses, disimpan atau dihoskan oleh pelanggan kami menggunakan Tawaran AWS yang berkaitan dengan akaun AWS. Lihat perjanjian yang mempengaruhi akses terhadap akaun AWS anda dan Soalan Lazim Privasi Data AWS untuk maklumat lanjut tentang cara kami mengendalikan kandungan dan cara pelanggan kami boleh mengawal kandungan mereka melalui Tawaran AWS. Notis Privasi ini juga tidak terpakai pada mana-mana produk, perkhidmatan, laman web, atau kandungan yang ditawarkan oleh pihak ketiga atau pihak yang mempunyai notis privasi mereka sendiri.

- Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan
- Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi
- Kuki
- Cara Kami Berkongsi Maklumat Peribadi
- Lokasi Maklumat Peribadi
- Cara Kami Menyimpan Maklumat
- Pengiklanan Internet dan Pihak Ketiga
- Akses dan Pilihan
- Maklumat Peribadi Kanak-kanak
- Penahanan Maklumat Peribadi
- Hubungan, Notis dan Semakan
- Perlindungan Privasi EU-US dan Swiss-US
- Maklumat Tambahan bagi Bidang Kuasa Tertentu
- Contoh Maklumat Yang Dikumpulkan

Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan

Kami mengumpul maklumat peribadi anda untuk menyediakan Tawaran AWS kepada anda.

Berikut adalah jenis-jenis maklumat yang kami kumpulkan:

- **Maklumat Yang Anda Berikan Kepada Kami:** Kami mengumpul sebarang maklumat yang anda berikan berkaitan dengan Tawaran AWS. Klik di sini untuk melihat contoh maklumat yang anda berikan kepada kami.
- **Maklumat Automatik:** Kami mengumpul maklumat tertentu secara automatik semasa anda berinteraksi dengan Tawaran AWS. Klik di sini untuk melihat contoh maklumat yang kami kumpulkan secara automatik.
- **Maklumat daripada Sumber Lain:** Kami mungkin mengumpul maklumat tentang anda daripada sumber lain, termasuk pembekal perkhidmatan, rakan kongsi, dan sumber yang tersedia secara umum. Klik di sini untuk melihat contoh maklumat yang kami kumpulkan daripada sumber lain.

Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi

Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk menjalankan, menyediakan dan menambah baik Tawaran AWS. Tujuan kami menggunakan maklumat peribadi termasuklah:

- **Menyediakan Tawaran AWS:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyediakan dan memberikan Tawaran AWS serta memproses transaksi berkaitan Tawaran AWS, termasuk pendaftaran, langganan, pembelian dan pembayaran.
- **Mengukur, Menyokong dan Menambah Baik Tawaran AWS:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk mengukur penggunaan, menganalisis prestasi, memperbaiki ralat, menyediakan sokongan, menambah baik dan membangunkan Tawaran AWS.
- **Pengesyoran dan Penyesuaian:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk mengesyorkan Tawaran AWS yang mungkin menarik minat anda, mengenal pasti pilihan anda, dan menyesuaikan pengalaman anda dengan Tawaran AWS.
- **Mematuhi Kewajiban Undang-undang:** Dalam sesetengah kes, kami mempunyai kewajiban undang-undang untuk mengumpul, menggunakan, atau menahan maklumat peribadi anda. Contohnya, kami mengumpul maklumat akaun bank daripada penjual AWS Marketplace untuk pengesahan identiti.
- **Berkomunikasi dengan Anda:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk berkomunikasi dengan anda berkaitan dengan Tawaran AWS melalui saluran yang berbeza (contohnya, melalui telefon, e-mel, sembang) dan untuk menjawab permintaan anda.
- **Pemasaran:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk memasarkan dan mempromosikan Tawaran AWS. Kami mungkin akan memaparkan iklan berdasarkan minat bagi Tawaran AWS. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila baca notis Iklan Berdasarkan Minat kami.
- **Pencegahan Penipuan dan Penyalahgunaan dan Risiko Kredit:** Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk mencegah dan mengesan penipuan dan penyalahgunaan untuk melindungi keselamatan perlanggan kami, AWS dan lain-lain. Kami juga boleh menggunakan kaedah pemarkahan untuk menilai dan menguruskan risiko kredit.
- **Tujuan yang Memerlukan Persetujuan Anda:** Kami juga mungkin akan meminta persetujuan anda untuk menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan tertentu yang akan diberitahu kepada anda.

Kuki

Kami menggunakan kuki untuk membolehkan sistem kami mengenali pelayar atau peranti anda dan untuk menyediakan Tawaran AWS. Untuk maklumat lanjut tentang kuki dan cara kami menggunakannya, sila baca Notis Kuki kami.

Cara Kami Berkongsi Maklumat Peribadi

Maklumat tentang pelanggan ialah bahagian penting bagi perniagaan kami dan kami tidak akan menjual maklumat peribadi pelanggan kami kepada pihak lain. Kami hanya berkongsi maklumat peribadi sepertimana yang diterangkan di bawah dan bersama Amazon.com dan anak syarikat yang dikawal oleh Amazon.com, yang tertakluk kepada Notis Privasi ini atau mematuhi prinsip-prinsip yang sekurang-kurangnya sama melindungi seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini.

- **Transaksi Melibatkan Pihak Ketiga:** Kami menyediakan anda perkhidmatan, perisian dan kandungan yang disediakan oleh pihak ketiga untuk digunakan pada atau melalui Tawaran AWS. Anda boleh maklumkan apabila terdapat pihak ketiga terlibat dalam transaksi anda, dan kami akan kongsi maklumat berkaitan transaksi ini dengan pihak ketiga tersebut. Contohnya, anda boleh memesan perkhidmatan, perisian dan kandungan daripada penjual menggunakan AWS Marketplace dan kami akan berikan maklumat untuk memudahkan langganan, pembelian, atau sokongan anda kepada penjual tersebut.
- **Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga:** Kami menggaji syarikat dan individu lain untuk menjalankan fungsi bagi pihak kami. Contoh termasuklah: menghantar perkakasan AWS, menghantar komunikasi, memproses pembayaran, menilai risiko dan pematuhan risiko, menganalisis data, memberikan bantuan pemasaran dan jualan (termasuk pengiklanan dan pengurusan acara), mengendalikan pengurusan hubungan pelanggan, dan memberikan latihan. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga ini mempunyai akses terhadap maklumat peribadi yang diperlukan untuk menjalankan fungsi mereka, tetapi tidak boleh menggunakannya untuk tujuan lain. Di samping itu, mereka mesti memproses maklumat tersebut mengikut Notis Privasi ini dan sepertimana yang dibenarkan oleh undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa.
- **Pemindahan Perniagaan:** Memandangkan kami terus membangunkan perniagaan, kami mungkin menjual atau membeli perniagaan atau perkhidmatan. Dalam transaksi sedemikian, maklumat peribadi biasanya adalah salah satu aset perniagaan yang dipindahkan tetapi kekal tertakluk pada janji-janji yang dibuat dalam mana-mana Notis Privasi yang telah diwujudkan terlebih dahulu (melainkan, individu tersebut memberi persetujuan sebaliknya). Dan, jika berlaku kejadian di mana AWS atau sebahagian besar aset-asetnya diperoleh, maklumat anda pasti akan menjadi salah satu aset yang dipindahkan.
- **Perlindungan Kami dan Lain-lain:** Kami melepaskan akaun dan maklumat peribadi lain apabila kami percaya pelepasan tersebut wajar untuk mematuhi undang-undang, melaksanakan atau mengenakan terma kami dan perjanjian lain, atau untuk melindungi hak, harta benda, atau keselamatan AWS, pelanggan kami, atau pihak lain. Ini termasuk pertukaran maklumat bersama syarikat dan organisasi lain bagi pencegahan dan pengesanan penipuan serta mengurangkan risiko kredit.
- **Pada Pilihan Anda:** Selain daripada yang dinyatakan di atas, anda akan menerima notis apabila maklumat peribadi anda mungkin dikongsi dengan pihak ketiga, dan anda akan diberi peluang memilih untuk tidak berkongsi maklumat tersebut.

Lokasi Maklumat Peribadi

Amazon Web Services, Inc. terletak di Amerika Syarikat, dan syarikat gabungan kami terletak di seluruh dunia. Maklumat peribadi anda mungkin disimpan atau diakses dari berbilang negara, termasuk Amerika Syarikat, bergantung pada skop interaksi anda dengan Tawaran AWS. Bila-bila masa kami memindahkan maklumat peribadi kepada bidang kuasa lain, kami akan memastikan maklumat ini dipindahkan mengikut Notis Privasi ini dan sepertimana yang dibenarkan oleh undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa.

Cara Kami Menyimpan Maklumat

Di AWS, keselamatan adalah keutamaan tertinggi kami. Kami mereka sistem dengan menitikberatkan keselamatan dan privasi anda.

- Kami menggunakan pelbagai jenis program pematuhan yang mengesahkan kawalan keselamatan kami. Klik di sini untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang program pematuhan kami.
- Kami melindungi keselamatan maklumat anda semasa penghantaran kepada atau daripada laman web, aplikasi, produk, atau perkhidmatan AWS dengan menggunakan protokol dan perisian penyulitan.
- Kami mematuhi Standard Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran (Payment Card Industry Data Security Standard, PCI DSS) semasa mengendalikan data kad kredit.
- Kami menggunakan perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang berkaitan dengan pengumpulan, penyimpanan dan pendedahan maklumat peribadi. Prosedur keselamatan kami bermaksud kami akan meminta bukti identiti sebelum kami mendedahkan maklumat peribadi kepada anda.

Pengiklanan Internet dan Pihak Ketiga

Tawaran AWS mungkin merangkumi pengiklanan pihak ketiga dan pautan kepada laman web dan aplikasi lain. Rakan kongsi pengiklanan pihak ketiga mungkin mengumpul maklumat tentang anda semasa anda berinteraksi dengan kandungan, iklan, atau perkhidmatan mereka. Untuk maklumat lanjut tentang pengiklanan pihak ketiga, termasuk iklan berdasarkan minat, sila baca notis Iklan Berdasarkan Minat kami.

Akses dan Pilihan

Anda boleh melihat, mengemas kini dan memadamkan maklumat tertentu tentang akaun anda dan interaksi anda dengan Tawaran AWS. Klik di sini untuk senarai contoh maklumat yang anda boleh akses. Jika anda tidak boleh mengakses atau mengemas kini sendiri maklumat anda, anda boleh menghubungi kami untuk bantuan.

Anda mempunyai pilihan tentang pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda. Banyak Tawaran AWS menyertakan tetapan yang memberikan anda pilihan tentang cara maklumat anda akan digunakan. Anda boleh memilih untuk tidak memberikan maklumat tertentu, tetapi dengan itu, anda mungkin tidak dapat memanfaatkan Tawaran AWS tertentu.

- **Maklumat Akaun:** Jika anda mahu menambah, mengemas kini, atau memadamkan maklumat berkaitan dengan akaun anda, sila pergi ke Konsol Pengurusan AWS. Apabila

anda mengemas kini atau memadamkan sebarang maklumat, kami biasanya menyimpan salinan versi terdahulu untuk rekod kami.

- **Komunikasi:** Jika anda tidak mahu menerima mesej promosi daripada kami, sila batalkan langganan atau selaraskan pilihan komunikasi anda dalam Konsol Pengurusan AWS atau Pusat Pilihan E-mel AWS. Jika anda tidak mahu menerima pemberitahuan dalam aplikasi daripada kami, sila selaraskan tetapan pemberitahuan anda dalam aplikasi atau peranti anda.
- **Pengiklanan:** Jika anda tidak mahu melihat iklan berdasarkan minat, sila selaraskan Pilihan Pengiklanan anda.
- **Pelayar dan Peranti:** Ciri Bantuan pada kebanyakan pelayar dan peranti akan memberitahu anda cara untuk mengelakkan pelayar atau peranti anda daripada menerima kuki baharu, cara untuk menetapkan supaya pelayar memaklumkan anda apabila anda menerima kuki baharu, atau cara untuk menyahaktifkan kuki sepenuhnya.
- **Penjual dan Rakan Kongsi Amazon:** Penjual dan ahli Rangkaian Rakan Kongsi Amazon boleh menambah, mengemas kini, atau memadamkan maklumat dalam AWS Marketplace dan Pusat Rakan Kongsi APN, secara berasingan.

Maklumat Peribadi Kanak-kanak

Kami tidak boleh menyediakan Tawaran AWS untuk pembelian oleh kanak-kanak. Jika anda berumur 18 tahun ke bawah, anda hanya boleh menggunakan Tawaran AWS dengan penglibatan ibu bapa atau penjaga.

Penahanan Maklumat Peribadi

Kami menyimpan maklumat peribadi anda untuk membolehkan penggunaan berterusan Tawaran AWS, selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan berkenaan yang diterangkan dalam Notis Privasi ini, sepertimana yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang (termasuk untuk tujuan cukai dan perakaunan), atau sepertimana yang dimaklumkan kepada anda. Tempoh kami menahan maklumat peribadi khusus berbeza-beza bergantung pada tujuan penggunaannya, dan kami akan memadamkan maklumat peribadi anda mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

Hubungan, Notis dan Semakan

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang privasi di AWS atau anda mahu menghubungi salah seorang pengawal data kami, sila hubungi kami dengan huraian terperinci, dan kami akan cuba menyelesaikan isu ini untuk anda. ANda juga boleh menghubungi kami di alamat-alamat di bawah:

- Untuk mana-mana prospektif atau pelanggan semasa Amazon Web Services, Inc., alamat surat-menyurat kami ialah: Amazon Web Services, Inc., 410 Terry Avenue North, Seattle, WA 98109-5210, U/P: Bahagian Undang-undang AWS
- Untuk mana-mana prospektif atau pelanggan semasa Amazon Web Services EMEA SARL, alamat surat-menyurat kami ialah: Amazon Web Services EMEA SARL, 38 Avenue John F. Kennedy, L-1855, Luxembourg, U/P: Bahagian Undang-undang AWS EMEA

- Untuk mana-mana prospektif atau pelanggan semasa Amazon Internet Services Private Limited, alamat surat-menyurat kami ialah: Amazon Internet Services Private Limited, Block E, 14th Floor, Unit Nos. 1401 to 1421, International Trade Tower, Nehru Place, New Delhi, Delhi 110019, India, U/P: Bahagian Undang-Undang AISPL

Jika anda berinteraksi dengan Tawaran AWS bagi pihak atau melalui organisasi anda, maka maklumat peribadi anda juga mungkin tertakluk kepada amalan privasi organisasi anda, dan anda perlu mengemukakan pertanyaan tentang privasi kepada organisasi anda.

Perniagaan kami sentiasa berubah, dan Notis Privasi kami juga boleh berubah. Anda hendaklah kerap menyemak laman web kami untuk melihat perubahan terkini. Anda boleh melihat tarikh versi terkini Notis Privasi ini disiarkan. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Notis Privasi semasa kami terpakai pada semua maklumat peribadi anda dan akaun anda yang kami miliki. Kami berpegang pada janji yang kami buat, dan kami tidak akan mengubah dasar dan amalan kami dengan cara yang penting untuk menjadikannya kurang melindungi maklumat peribadi yang dikumpul pada masa lalu tanpa memaklumkan kepada pelanggan yang terjejas dan memberi pilihan kepada mereka.

Perlindungan Privasi EU-US dan Swiss-US

Kami tidak bergantung kepada Perlindungan Privasi tetapi kekal mematuhi komitmen yang kami buat semasa kami memperakui Perlindungan Privasi.

Amazon Web Services, Inc. menyertai rangka kerja Perlindungan Privasi EU-US dan Swiss-US. Klik di sini untuk mengetahui dengan lanjut.

Maklumat Tambahan bagi Bidang Kuasa Tertentu

Kami menyediakan maklumat tambahan tentang privasi, pengumpulan, dan penggunaan maklumat peribadi prospektif dan pelanggan semasa Tawaran AWS yang berada dalam bidang kuasa tertentu.

Brazil

Pengawal Maklumat Peribadi. Semasa Amazon AWS Serviços Brasil Ltda. menjadi pembekal Tawaran AWS, Amazon AWS Serviços Brasil Ltda., A. Presidente Juscelino Kubitschek, 2.041, Torre E - 18th and 19th Floors, Vila Nova Conceicao, Sao Paulo, merupakan pengawal data maklumat peribadi yang dikumpulkan atau diproses melalui Tawaran AWS.

Pemprosesan. Kami memproses maklumat peribadi anda mengikut satu atau lebih asas undang-undang berikut:

- sepertimana yang diperlukan untuk memasuki kontrak dengan anda atau entiti undang-undang yang anda wakili, untuk menjalankan kewajiban kontraktual kami, untuk menyediakan Tawaran AWS, untuk menjawab permintaan daripada anda, atau untuk memberikan sokongan pelanggan;
- di mana kami mempunyai minat yang sah, sepertimana yang diterangkan dalam Notis Privasi ini (lihat Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi di atas);
- sepertimana yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan dan kewajiban undang-undang, termasuk menjawab permintaan dan arahan yang sah di sisi undang-undang; atau

- dengan persetujuan anda.

Hak Anda. Tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, anda berhak untuk:

- bertanya sama ada kami memegang maklumat peribadi anda dan meminta salinan maklumat peribadi tersebut dan maklumat tentang cara ia diproses;
- meminta maklumat peribadi yang tidak tepat dibetulkan;
- meminta pemadaman maklumat peribadi yang tidak lagi diperlukan bagi tujuan yang mendasari pemprosesan, diproses berdasarkan persetujuan penarikan, atau diproses tanpa mematuhi keperluan undang-undang yang berkuat kuasa;
- meminta kami mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi bila mana pemprosesan tersebut adalah tidak wajar;
- menolak pemprosesan maklumat peribadi;
- meminta kemudahan maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami (yang tidak merangkumi maklumat yang diterbitkan daripada maklumat yang dikumpulkan), di mana pemprosesan maklumat peribadi tersebut adalah berdasarkan persetujuan atau kontrak dengan anda dan dilaksanakan dengan maksud automatik; dan
- meminta maklumat tentang kemungkinan menolak persetujuan dan akibat daripada menolak persetujuan.

Jika anda mahu melakukan mana-mana perkara ini dan anda adalah pelanggan AWS, sila hubungi kami. Jika anda bukan pelanggan AWS, sila hubungi kami di alamat di bawah Hubungan, Notis dan Semakan di atas. Di samping itu, pegawai perlindungan data untuk Amazon AWS Serviços Brasil Ltda. boleh dihubungi di aws-brasil-privacy@amazon.com. Anda juga boleh menfailkan aduan dengan Pihak Berkuasa Perlindungan Data Kebangsaan (National Data Protection Authority, ANPD) Brazil melalui saluran rasminya.

Apabila anda bersetuju dengan pemprosesan maklumat peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa, dan kami akan menghentikan mana-mana pemprosesan lanjut ke atas data anda bagi tujuan tersebut.

Pemindahan ke luar Brazil. Apabila kami memindahkan maklumat peribadi anda ke luar Brazil, kami melakukannya mengikut terma Notis Privasi ini dan undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa.

California

Pendedahan tambahan ini dikehendaki oleh Akta Privasi Pengguna California dan berkuat kuasa setakat 9 Februari 2021:

Kategori maklumat peribadi yang dikumpulkan. Maklumat peribadi yang kami mungkin kumpulkan, atau telah dikumpulkan daripada pelanggan dalam dua belas bulan sebelumnya, jatuh dalam kategori berikut yang ditetapkan oleh Akta Privasi Pengguna California, bergantung pada cara anda terlibat dengan Tawaran AWS:

- Pengecam, seperti nama anda, nama panggilan, alamat, nombor telefon, atau alamat IP;
- maklumat peribadi seperti yang diterangkan dalam subbahagian (e) Seksyen 1798.80 Kod Sipil California, seperti nombor kad kredit;

- ciri-ciri klasifikasi yang dilindungi di bawah undang-undang persekutuan California atau AS, seperti umur atau jantina, contohnya jika kami menjalankan kaji selidik atau analisis pengguna;
- maklumat komersial, seperti aktiviti pembelian;
- maklumat aktiviti Internet atau rangkaian elektronik lain, termasuk maklumat interaksi kandungan, seperti muat turun, penstriman dan butiran main semula kandungan;
- maklumat biometrik, seperti suara atau penampilan anda, contohnya jika anda memilih untuk menyertai demonstrasi kebebasan bersuara atau perkhidmatan pengecaman imej;
- data geolokasi, seperti lokasi peranti atau komputer anda, contohnya jika anda mengaktifkan perkhidmatan lokasi untuk meningkatkan pengalaman anda melalui aplikasi acara yang kami tawarkan;
- maklumat audio, visual, elektronik atau maklumat serupa yang lain, termasuk apabila anda berkomunikasi dengan kami melalui telefon atau sebaliknya;
- maklumat profesional atau berkaitan dengan pekerjaan, contohnya data yang anda mungkin berikan tentang perniagaan anda;
- data inferens, seperti maklumat tentang pilihan anda; dan
- maklumat pendidikan, seperti maklumat tentang status pendaftaran, bidang pengajian, atau ijazah, kepujian dan anugerah yang diterima.

Untuk maklumat lanjut tentang maklumat peribadi yang kami kumpulkan, klik di sini.

Kategori maklumat peribadi yang didedahkan untuk tujuan perniagaan. Maklumat peribadi yang boleh kami dedahkan tentang pelanggan untuk tujuan perniagaan dalam dua belas bulan sebelumnya, jatuh dalam kategori berikut yang ditetapkan oleh Akta Privasi Pengguna California, bergantung pada cara anda terlibat dengan Tawaran AWS:

- Pengecam, seperti nama, alamat, atau nombor telefon anda, contohnya jika kami menggunakan pengangkut pihak ketiga untuk menghantar perkakasan AWS;
- maklumat peribadi seperti yang diterangkan dalam subbahagian (e) Seksyen 1798.80 Kod Sivil California, seperti nombor kad kredit, contohnya jika kami menggunakan pemproses pembayaran pihak ketiga;
- umur anda, jantina, atau klasifikasi lain yang dilindungi di bawah undang-undang persekutuan California atau AS, contohnya jika kami menjalankan kaji selidik atau analisis pengguna menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga;
- maklumat komersial, seperti butiran produk atau perkhidmatan yang anda beli jika pembekal perkhidmatan pihak ketiga membantu menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut untuk anda;
- maklumat aktiviti Internet atau rangkaian elektronik lain; seperti jika kami menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk membantu kami mengumpulkan laporan bagi menganalisis kesihatan peranti dan perkhidmatan kami;
- maklumat biometrik, contohnya jika anda memilih untuk menyertai demonstrasi perkhidmatan AWS tertentu yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga;

- data geolokasi, contohnya jika kami mengaktifkan perkhidmatan pengangkutan daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan acara AWS;
- maklumat audio, visual, elektronik atau maklumat serupa yang lain, contohnya jika pembekal perkhidmatan pihak ketiga menyemak rakaman panggilan telefon sokongan pelanggan untuk tujuan jaminan kualiti;
- maklumat profesional atau berkaitan pekerjaan, contohnya jika kami memberikan maklumat kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk pengesahan atau pendaftaran sebagai sebahagian daripada Tawaran AWS; dan
- maklumat pendidikan, contohnya jika kami menyediakan aktiviti perekrutan pekerjaan atau latihan untuk peserta dalam program Didikan AWS.

Untuk maklumat lanjut tentang maklumat peribadi yang kami boleh dedahkan kepada pihak ketiga untuk tujuan perniagaan, klik di sini dandi sini.

Hak Anda. Anda berhak di bawah Akta Privasi Pengguna California, untuk meminta maklumat tentang pengumpulan maklumat peribadi anda oleh kami, atau mengakses atau memadamkan maklumat peribadi anda. Jika anda mahu melakukan mana-mana perkara ini, sila hubungi kami (untuk pelanggan AWS) atau hubungi kami di alamat di bawah Hubungan, Notis dan Semakan di atas (untuk pelanggan dan bukan pelanggan AWS). Sesetengah perkhidmatan mungkin terhad atau tidak tersedia, bergantung pada pilihan data anda.

Tidak boleh menjual maklumat peribadi. Dalam dua belas bulan sebelumnya, kami tidak menjual sebarang maklumat peribadi pengguna, memandangkan terma ini telah ditakrifkan di bawah Akta Privasi Pengguna California.

Tiada Diskriminasi. Kami tidak akan mendiskriminasi mana-mana pengguna kerana melaksanakan hak mereka di bawah Akta Privasi Pengguna California.

Kanada

Hak Anda. Tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, anda berhak untuk:

- bertanya sama ada kami memegang maklumat peribadi anda dan meminta salinan maklumat peribadi tersebut dan maklumat tentang cara ia diproses;
- meminta maklumat peribadi yang tidak tepat dibetulkan;
- meminta pemadaman maklumat peribadi yang tidak lagi diperlukan bagi tujuan yang mendasari pemprosesan, diproses berdasarkan persetujuan penarikan, atau diproses tanpa mematuhi keperluan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- mengemukakan aduan kepada kami berkenaan amalan kami yang berkaitan dengan maklumat peribadi anda.

Jika anda mahu melakukan mana-mana perkara ini dan anda adalah pelanggan AWS, sila hubungi kami. Jika anda bukan pelanggan AWS, sila hubungi kami di alamat yang dinyatakan di bawah Hubungan, Notis dan Semakan di atas.

Costa rica

Hak Anda. Berkenaan dengan data yang dikumpulkan dan diproses oleh Amazon Web Services Costa Rica ("AWS Costa Rica"), anda mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan,

memadam, menyekat, atau membuat aduan. Apabila anda membenarkan AWS Costa Rica untuk memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan tertentu, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dan AWS Costa Rica akan menghentikan pemrosesan lanjut data anda untuk tujuan tersebut.

Sekiranya anda ingin melakukan mana-mana daripada ini dan anda adalah pelanggan AWS, sila hubungi kami. Sekiranya anda bukan pelanggan AWS, sila [hubungi kami](#) di Zona Franca America, Edificio C7. 600 norte de Plaza Real Cariari, sobre la paralela a la Autopista General Cañas. San Francisco de Heredia, Costa Rica.

Kawasan Ekonomi Eropah (European Economic Area)

Pengawal Maklumat Peribadi. Semasa Amazon Web Services EMEA SARL menjadi pembekal Tawaran AWS, Amazon Web Services EMEA SARL, 38 Avenue John F. Kennedy, L-1855, Luxembourg, merupakan pengawal data maklumat peribadi yang dikumpulkan atau diproses melalui Tawaran AWS. Amazon Web Services EMEA SARL juga ialah wakil Amazon Web Services, Inc. yang dibenarkan di EEA.

Pemrosesan. Kami memproses maklumat peribadi anda mengikut satu atau lebih asas undang-undang berikut:

- sepertimana yang diperlukan untuk memasuki kontrak dengan anda atau entiti undang-undang yang anda wakili, untuk menjalankan kewajiban kontraktual kami, untuk menyediakan Tawaran AWS, untuk menjawab permintaan daripada anda, atau untuk memberikan sokongan pelanggan;
- di mana kami mempunyai minat yang sah, sepertimana yang diterangkan dalam Notis Privasi ini (lihat Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi di atas);
- sepertimana yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan dan kewajiban undang-undang, termasuk menjawab permintaan dan arahan yang sah di sisi undang-undang; atau
- dengan persetujuan anda.

Hak Anda. Tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, anda berhak untuk:

- bertanya sama ada kami memegang maklumat peribadi anda dan meminta salinan maklumat peribadi tersebut dan maklumat tentang cara ia diproses;
- meminta maklumat peribadi yang tidak tepat dibetulkan;
- meminta pemadaman maklumat peribadi yang tidak lagi diperlukan bagi tujuan yang mendasari pemrosesan, diproses berdasarkan persetujuan penarikan, atau diproses tanpa mematuhi keperluan undang-undang yang berkuat kuasa;
- meminta kami mengehadkan pemrosesan maklumat peribadi bila mana pemrosesan tersebut adalah tidak wajar;
- menolak pemrosesan maklumat peribadi; dan
- meminta kemudahan maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami (yang tidak merangkumi maklumat yang diterbitkan daripada maklumat yang dikumpulkan), di mana pemrosesan maklumat peribadi tersebut adalah berdasarkan persetujuan atau kontrak dengan anda dan dilaksanakan dengan maksud automatik.

Jika anda mahu melakukan mana-mana perkara ini dan anda adalah pelanggan AWS, sila hubungi kami. Jika anda bukan pelanggan AWS, sila hubungi kami di alamat di bawah Hubungan, Notis dan Semakan di atas. Anda juga boleh mengemukakan aduan dengan pihak berkuasa penyeliaan utama kami, Commission Nationale pour la Protection des Données di Luxembourg, atau dengan pihak berkuasa tempatan.

Apabila anda bersetuju dengan pemprosesan maklumat peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa, dan kami akan menghentikan mana-mana pemprosesan lanjut ke atas data anda bagi tujuan tersebut.

Kuki. Sila rujuk Notis Kuki kami.

Pemindahan ke luar EEA. Apabila kami memindahkan maklumat peribadi anda ke luar EEA, kami melakukannya mengikut terma Notis Privasi ini dan undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa.

Jepun

Sebarang maklumat peribadi yang diberikan atau dikumpulkan oleh Amazon Web Services Japan K.K. dikawal terutamanya oleh Amazon Web Services Japan K.K. Sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh Amazon Web Services, Inc. dikawal terutamanya oleh Amazon Web Services, Inc. Kami menggunakan maklumat mengikut Notis Privasi ini bersama anak syarikat domestik dan asing bagi Amazon.com, Inc., termasuk Amazon Web Services, Inc., Amazon Web Services Japan K.K., Amazon Web Services EMEA SARL, dan entiti global yang lain. Amazon Web Services Japan K.K. ialah pengoperasi perniagaan yang bertanggungjawab terutamanya untuk menguruskan maklumat yang digunakan bersama. Kami mungkin menghasilkan maklumat yang tidak boleh dikenal pasti menggunakan alamat e-mel anda, nama, alamat, ID pelanggan, ID pesanan, ID sesi dan maklumat lain.

Malaysia

Terjemahan Bahasa Melayu mengenai Notis Privasi ini boleh didapati [di sini](#).

Korea Selatan

AWS boleh berkongsi maklumat peribadi seperti yang dijelaskan dalam Notis Privasi ini, termasuk dengan ahli gabungan Amazon Web Services, Inc.

AWS mempunyai kontrak dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berikut untuk menjaalkan fungsi bagi pihak AWS di Korea, dan mereka boleh mengakses maklumat peribadi anda jika perlu untuk menjalankan fungsi mereka yang diterangkan di bawah:

<i>Nama Pihak</i>	<i>Keterangan Fungsi</i>
BusinessOnCommunication Co., Ltd.	Penginvoisan pembayaran
Marketo	Komunikasi pelanggan

NHN KCP Corp.	Pemrosesan dan penginvoisan instrumen pembayaran
PaymentTech	Pemrosesan instrumen pembayaran
Salesforce	Pengurusan hubungan pelanggan
General Agent	Ejen domestik

AWS akan memadamkan maklumat peribadi anda (termasuk setelah penutupan akaun AWS anda) seperti yang dijelaskan dalam Notis Privasi ini. Selepas memadamkan maklumat peribadi, AWS akan mengambil langkah munasabah komersial standard untuk menjadikan maklumat peribadi tersebut tidak boleh dipulihkan atau tidak boleh dihasilkan semula. Kaedah pemadaman khusus bergantung kepada maklumat yang dipadamkan, cara maklumat dikumpulkan dan disimpan, dan interaksi anda dengan kami. Dokumen atau fail elektronik yang mengandungi maklumat peribadi akan dipadamkan menggunakan kaedah teknikal yang menjadikan proses pemulihan atau dapatan semula maklumat tersebut mustahil atau menjadikan data tersebut tidak lagi boleh dikenal pasti secara peribadi. Dokumen atau fail bukan elektronik yang mengandungi maklumat peribadi akan dicarik, dibakar, atau kedua-duanya.

Maklumat Ejen Domestik

Maklumat Ejen Domestik berdasarkan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi adalah seperti berikut:

Nama dan wakil: General Agent Co., Ltd. (Wakil: Young Soo-Kim)
 Alamat: 28, Saemunan-ro 5ga-gil Jongno-gu, Seoul
 Nombor telefon: (02) 735 6888
 Alamat e-mel: AWS@generalagent.co.kr

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau permintaan privasi, sila hubungi:

Bahagian Privasi AWS Korea
 E-mel: aws-korea-privacy@amazon.com

Contoh Maklumat Yang Dikumpulkan

Maklumat yang Anda Berikan kepada Kami

Anda memberikan maklumat kepada kami semasa anda:

- mencari, melanggan, atau membeli Tawaran AWS;
- mencipta atau mentadbir akaun AWS anda (dan anda mungkin mempunyai lebih daripada satu akaun jika anda pernah menggunakan lebih daripada satu alamat e-mel semasa menggunakan Tawaran AWS);
- mengkonfigurasi tetapan anda, memberikan kebenaran akses data, atau berinteraksi dengan Tawaran AWS;
- mendaftar atau menghadiri acara AWS;
- membeli atau menggunakan kandungan, produk, atau perkhidmatan daripada pembekal pihak ketiga melalui AWS Marketplace (atau tempat serupa lain yang dikendalikan atau disediakan oleh kami);
- menawarkan kandungan, produk atau perkhidmatan anda pada atau melalui Tawaran AWS atau AWS Marketplace (atau tempat serupa lain yang dikendalikan atau disediakan oleh kami);
- berkomunikasi dengan kami melalui telefon, e-mel, atau sebaliknya;
- melengkapkan soal selidik, tiket sokongan, atau borang permintaan maklumat lain;
- menulis di laman web AWS atau mengambil bahagian dalam ciri komuniti; dan
- menggunakan perkhidmatan pemberitahuan.

Bergantung pada penggunaan Tawaran AWS, anda mungkin membekalkan kami maklumat tersebut sebagai:

- nama anda, alamat e-mel, alamat fizikal, nombor telefon, dan maklumat hubungan serupa yang lain;
- maklumat pembayaran, termasuk maklumat kad kredit dan akaun bank;
- maklumat tentang lokasi anda;
- maklumat tentang organisasi dan orang hubungan anda, seperti rakan sekerja atau individu dalam organisasi anda;
- nama pengguna, nama panggilan, jawatan, dan pengesahan serta maklumat kelayakan keselamatan yang lain;
- kandungan maklum balas, testimonial, pertanyaan, tiket sokongan, dan sebarang perbualan telefon, sesi sembang dan e-mel dengan atau kepada kami;
- imej anda (pegun, video, dan dalam sesetengah kes, 3-D), suara, dan pengecam lain yang merupakan sesuatu yang istimewa bagi anda apabila anda menghadiri acara AWS atau menggunakan Tawaran AWS tertentu;
- maklumat berkenaan identiti, termasuk maklumat pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan;
- maklumat korporat dan kewangan; dan
- Nombor VAT dan pengecam cukai yang lain.

Maklumat Automatik

Kami mengumpul maklumat secara automatik semasa anda:

- melawat, berinteraksi, atau menggunakan Tawaran AWS (termasuk semasa anda menggunakan komputer anda atau peranti lain untuk berinteraksi dengan Tawaran AWS);
- memuat turun kandungan daripada kami;
- membuka e-mel atau klik pautan dalam e-mel daripada kami; dan
- berinteraksi atau berkomunikasi dengan kami (seperti semasa anda menghadiri acara AWS atau apabila anda meminta sokongan pelanggan).

Contoh maklumat yang kami kumpulkan secara automatik, termasuklah:

- maklumat rangkaian dan sambungan, seperti alamat protokol Internet (IP) yang digunakan untuk menyambungkan komputer anda atau peranti lain kepada Internet dan maklumat tentang pembekal perkhidmatan Internet anda;
- maklumat komputer dan peranti, seperti peranti, aplikasi, atau jenis dan versi pelayar, jenis dan versi palam pelayar, sistem pengoperasian, atau tetapan zon masa;
- lokasi peranti atau komputer anda;
- maklumat pengesahan dan kelayakan keselamatan;
- maklumat interaksi kandungan, seperti muat turun, penstrimana, dan butiran main semula kandungan, termasuk tempoh dan bilangan penstriman dan muat turun serentak;
- Metrik Tawaran AWS, seperti penggunaan tawaran, kejadian ralat teknikal, laporan diagnostik, pilihan tetapan anda, maklumat sandaran, panggilan API, dan log lain;
- rekod aktiviti penuh Pelokasi Sumber Seragam (Uniform Resource Locators, URL) kepada, melalui, dan daripada laman web kami (termasuk tarikh dan masa) dan Tawaran AWS, kandungan yang anda lihat atau cari, masa respons halaman, ralat muat turun, dan maklumat interaksi halaman (seperti menatal, klik dan melalukan tetikus);
- alamat e-mel dan nombor telefon yang digunakan untuk menghubungi kami; dan
- pengecam dan maklumat yang terdapat dalam kuki (lihat Notis Kuki kami).

Maklumat daripada Sumber Lain

Contoh maklumat yang kami terima daripada sumber lain termasuklah:

- maklumat pemasaran, penjanaan jualan, dan perekrutan, termasuk nama anda, alamat e-mel, alamat fizikal, nombor telefon, dan maklumat hubungan serupa yang lain;
- langganan, pembelian, sokongan, atau maklumat lain tentang interaksi anda dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, ahli gabungan kami (seperti kursus latihan AWS), atau pihak ketiga (seperti produk yang ditawarkan melalui AWS Marketplace) yang berkaitan dengan Tawaran AWS;
- hasil carian dan pautan, termasuk penyenaiaan berbayar (seperti Pautan Yang Ditaja); dan
- maklumat sejarah kredit daripada biro kredit.

Maklumat yang Anda Boleh Akses

Contoh maklumat yang anda boleh akses melalui Tawaran AWS termasuklah:

- nama anda, alamat e-mel, alamat fizikal, nombor telefon, dan maklumat hubungan serupa yang lain;
- nama pengguna, nama panggilan, jawatan, dan pengesahan serta maklumat kelayakan keselamatan yang lain;
- langganan, pembelian, penggunaan, pengebilan, dan sejarah pembayaran anda;
- tetapan pembayaran, seperti maklumat instrumen pembayaran dan pilihan pengebilan;
- maklumat cukai;
- komunikasi e-mel dan tetapan pemberitahuan; dan
- jika anda menyertai AWS Marketplace atau Rangkaian Rakan Kongsi Amazon (atau tempat serupa lain yang dikendalikan atau disediakan oleh kami), akaun anda, status anda, langganan, dan maklumat lain.

Pelanggan boleh mengakses maklumat di atas melalui Tawaran AWS, seperti Konsol Pengurusan AWS (termasuk halaman Akaun Saya, Papan Pemuka Pengebilan, Bil, Kaedah Pembayaran, Sejarah Pembayaran, Pilihan dan Tetapan Cukai), Pusat Pilihan E-mel AWS, AWS Marketplace, dan Pusat Rakan Kongsi APN.